



TARIKH NOTIS DIKELUARKAN : 26 Mei 2026

NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

HOSPITAL SULTANAH AMINAH JOHOR BAHRU

Pelawaan Sebut Harga adalah dibuat kepada kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan CIDB Malaysia dalam kelas yang berkaitan bagi sebutharga berikut:

BIL	NO SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	SYARAT PENDAFTARAN CIDB	TARIKH TUTUP
1	HSAJB/PEMB/200 -2/02/26-20	KERJA-KERJA NAIKTARAF BILIK FREEZER, JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI, HOSPITAL SULTANAH AMINAH JOHOR BAHRU	TARIKH : 04 JUN 2026 (KHAMIS) MASA : 9.00 PAGI TEMPAT BERKUMPUL DAN LAWATAN TAPAK: HADAPAN ICU HYBRID HSAJB	GRED: G2 KATEGORI: B & ME PENGKHUSUSAN: B28 & E04 *KEBENARAN KHAS CIDB TIDAK DIBENARKAN*	11 JUN 2026 (KHAMIS)


Borang Sebut harga (**LAMPIRAN Q**) boleh diperolehi semasa lawatan tapak pada **04 JUN 2026 (KHAMIS)** di **HADAPAN ICU HYBRID, HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU**. Pihak kontraktor dikehendaki membawa **Sijil SSM, PKK, CIDB ASAL dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** semasa memohon mendapatkan borang sebut harga.

Kehadiran ke sesi lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Namun bagi kontraktor yang hadir, **HANYA PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan & Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA), Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga. Kontraktor tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA, UPKJ atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan. (**SILA RUJUK PERKARA 7(VI), PK2.1-KAEDAH PEROLEHAN KERAJAAN, PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA**)

Pihak kontraktor yang ingin menyertai sebut harga perlu mendaftarkan maklumat syarikat ke dalam Sistem e-Vendor di Unit Khidmat Pelanggan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Johor di Tingkat 8, Menara Tabung Haji, Jalan Air Molek 80000 Johor Bahru.

Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan menulis no. sebutharga di **PENJURU ATAS KANAN SAMPUL SURAT** sebelum dimasukkan ke dalam peti Sebutharga di **UNIT KEWANGAN, BANGUNAN AKASIA, HOSPITAL SULTANAH AMINAH, 80100 JOHOR BAHRU** (Bersebelahan Unit Pengangkutan, HSAJB) sebelum tarikh sebut harga ditutup. Untuk makluman pembekal, jabatan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebut harga yang **dihantar melalui pos**. Tarikh tutup sebut harga ini ialah pada **11 JUN 2026 (KHAMIS) jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan akan ditolak. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://hsajb.moh.gov.my/versibaru>.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn. Damia Binti Razali atau En. Nor Azhan Bin Mohamad di talian 07-2257000, ext: 2906


JAMIA BINTI MOHD RAZALI
Ketua Penolong Pengarah
Unit Pembangunan dan Perolehan
Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru

26/5/26